

PBT diminta tumpu perancangan bandar seimbang

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi tumpuan kepada perancangan bandar yang seimbang supaya tidak lagi meminggirkan rakyat sehingga wujud golongan miskin bandar dan isu kesesakan.

Menurut Perdana Menteri, isu sedemikian menunjukkan adanya kelemahan akibat perancangan tidak seimbang sehingga usaha mewujudkan kemudahan perumahan untuk rakyat turut ketinggalan.

“Kita lihat umpamanya, keadaan tidak terkawal dan lebih parah apabila ada kesenjangan kerana kota juga menzahirkan

kawasan sesak, miskin bandar. Maknanya, perancangan kita ada kelemahan.

“Kita bangunkan bangunan yang tersergam indah, projek mega, tetapi kita lupa bahawa (rakyat) yang bekerja itu memerlukan perumahan. Perumahan itu ketinggalan,” katanya berucap merasmikan Festival Taman Kuala Lumpur 2023 di Taman Tasik Titiwangsa, di sini semalam.

Menegaskan kewujudan bandar raya bermakna memberi penyelesaian kepada rakyat, iaitu keseimbangan di antara fizikal dan alam semula jadi, beliau berkata, masih belum terlambat untuk melaksanakan perancangan

pembangunan seimbang supaya menjadi contoh menerusi gagasan Malaysia Madani.

“Kita hanya fikirkan gedung kerana gedung itu beri pulangan lebih baik, tapi kita lupa manusia yang bekerja itu bukan semua pemilik gedung. Akhirnya, apabila nak bangunkan perumahan, kos sudah meningkat, kos tanah melambung tinggi.

“Perancangan dari kota besar sangat penting dan sebab itu, saya katakan tidak terlalu terlambat, tetapi sudah tenat,” katanya sambil menzahirkan rasa bangga kerana Festival Taman Kuala Lumpur 2023 mencerminkan hasratnya melihat keseimbangan di antara pembangunan

dan keindahan alam sekitar

“Saya bangga kerana kejayaan pesta taman ini. Kita mahu kota kita bukan sahaja tersergam dengan bangunan tinggi, tetapi juga taman yang indah. Manfaatkanlah waktu ini supaya kita dapat seimbangkan pemerksaan ekonomi, pemerksaan budaya dan inilah maksud madani,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam satu kenyataan kemudian, memaklumkan kerajaan setuju supaya pengurangan cukai taksiran fasa dua di Putrajaya turut diberikan kepada pemilik kediaman strata (selain rumah

mampu milik) sebanyak lima peratus dan pemilik kediaman teres sebanyak 20 peratus.

Pengurangan cukai taksiran itu membolehkan kediaman siap dibina selepas 2017 di mana potongan akan diberikan terhadap jumlah cukai taksiran yang dikenakan. Ia membolehkan hampir 2,700 unit kediaman strata dan teres siap dibina selepas 2017.

“Pengurangan itu akan mula dilaksana mula 1 Julai 2023 sehingga penilaian semula oleh Perbadanan Putrajaya. Ini selaras aspirasi Malaysia Madani melalui elemen Ihsan yang seterusnya dapat dipanjangkan kepada ruang lingkup lebih luas,” katanya.